

Dedikasi Siti Sadiyah Wajar Dicontohi Generasi Muda - Muhyiddin Bernama
26 Aug, 2013

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin menyifatkan kesetiaan dan dedikasi Penasihat Korporat KPJ Healthcare Berhad Datin Paduka Siti Sadiyah Sheikh Bakir dalam industri penjagaan kesihatan wajar dicontohi generasi masa kini.

Timbalan Perdana Menteri berkata dedikasi Siti Sadiyah, yang juga Pengarah Bukan Eksekutif KPJ Healthcare dalam industri berkenaan telah berjaya mengembang dan mengubah landskap industri penjagaan kesihatan swasta di negara ini.

"Saya amat kagum dengan komitmen Datin Paduka (Siti Sadiyah) kepada Kumpulan KPJ, semenjak pembabitan awal JCorp di dalam industri kesihatan pada tahun 1979, seterusnya berkhidmat sebagai Ketua Eksekutif Kumpulan Perubatan (Johor) Sdn Bhd dari tahun 1989 hingga 1993, dan sebagai Pengarah Urusan KPJ Healthcare Berhad dari tahun 1993 hingga persaraan beliau pada akhir Disember 2012.

"KPJ hari ini mendapat lebih daripada RM2 bilion dalam pendapatan tahunan dan meraih modal pasaran lebih daripada RM4 bilion. Semua ini dicapai dalam tempoh 30 tahun kewujudan syarikat, yang dipacu oleh visi dan semangat Datin Paduka sebagai Pengarah Urusan," katanya pada pelancaran biografi Siti Sadiyah di sini Isnin.

Teks ucapan Muhyiddin dibacakan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Rohani Abdul Karim.

Muhyiddin berkata daripada sebuah hospital di Johor Bahru pada 1981, Siti Sadiyah dan pasukannya mengubah KPJ menjadi ikon nasional dengan 23 hospital di seluruh negara menjelang akhir 2012, begitu juga hospital-hospital di Indonesia dan Thailand, dan kemudahan rawatan warga tua di Brisbane, Australia.

Dengan kedudukan beliau sebagai Pengarah Urusan, Siti Sadiyah menerajui usaha bagi memastikan KPJ menghasilkan nilai tambah bagi negara, katanya.

"Hasilnya, enam projek hospital KPJ hari ini disenaraikan dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) nasional, dengan sasaran untuk menyumbang RM1.32 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) menjelang 2020.

"Dan melahirkan lebih daripada 3,400 peluang pekerjaan dalam penjagaan kesihatan dan mensasarkan untuk menarik lebih daripada sejuta pelancong kesihatan setiap tahun," katanya.

Beliau berkata walaupun Siti Sadiyah bukan seorang profesional perubatan, beliau dan pasukannya mampu menarik lebih daripada 900 pakar terkemuka negara dan lebih 10,000 profesional penjagaan kesihatan untuk berkhidmat kepada lebih dua juta pesakit dalam dan luar negara setiap tahun.

Biografi setebal 303 halaman bertajuk "Siti Sadiyah: Driven by Vision, Mission and Passion", ditulis oleh Prof Rokiah A.Talib dan boleh didapati di semua kedai buku utama tidak lama lagi.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=972834>